

10 MAY 1997

Umno-Pengerusi

SULEIMAN TERHARU DILANTIK PENERUSI PERHUBUNGAN UMNO WP

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed terharu dengan pelantikannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Katanya kepercayaan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim amat dihargainya dan beliau berazam untuk mempamerkan keupayaan terhadap kepercayaan yang diberikan itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan cek pampasan kepada penduduk Kampung Baharu Seberang (kampung setinggan) yang terlibat dengan kawasan projek KL Linear City di sini hari ini.

Difahamkan inilah kali pertama seorang ketua bahagian Umno dalam Wilayah Persekutuan dilantik memegang jawatan itu sejak 1972. Sebelum ini jawatan itu disandang bekas Timbalan Presiden Umno Ghafar Baba (kini Tun) dan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.

Dr Mahathir mengumumkan pelantikan Suleiman selepas mempengerusikan mesyuarat tiga setengah jam Majlis Tertinggi Umno hari ini. Beliau turut mengumumkan pelantikan bakal Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar sebagai pengerusi baru Badan Perhubungan UMNO Selangor.

Pelantikan itu berikutan peletakan jawatan Muhammad sebagai Menteri Besar dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan pada 14 April lepas.

Suleiman yang juga anggota Parlimen kawasan Titiwangsa berkata beliau akan meneruskan usaha yang telah dijalankan oleh Muhammad dan akan tetap merujuk kepada pimpinan parti berkenaan keputusan penting dalam pucuk pimpinan.

Pada majlis itu sebanyak 47 keluarga yang terbabit dengan pemindahan dibayar pampasan sebanyak RM22,000 bagi setiap keluarga.

Suleiman berkata keluarga setinggan yang terbabit seharusnya berterima kasih kerana pemaju bersedia memberi pampasan.

Sementara itu Pengerusi KL Linear City Sdn Bhd Datuk Kamarudin Jaffar berkata pihaknya membelanjakan hampir RM30 juta untuk tujuan bayaran pampasan itu. -- BERNAMA

MS NMO